

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, August 19, 2017 2:25 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: UUM-Amtel Mega Bakal Bangunkan Langkawi Premium Outlet



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 OGOS 2017 / 26 ZULKAEDAH 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

UUM-AMTEL MEGA BAKAL BANGUNKAN LANGKAWI PREMIUM OUTLET



UUM ONLINE: Langkawi, 19 Ogos – Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi anak syarikat, Uniutama Management Holdings Sdn Bhd (UMHSB) dengan kerjasama Amtel Mega Sdn. Bhd yang merupakan anak syarikat Amtel Holdings Berhad bakal membangunkan Premium Outlet yang terletak di Bandar Kuah tidak lama lagi.

Sehubungan itu, satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai antara kedua pihak bagi merealisasikan cadangan projek pembangunan tersebut.

Majlis pemeteraian MoU itu ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMHSB, Dato' Megat Fairouz Junaidi Tan Sri Megat Junid, manakala Amtel Mega diwakili Pengarahnya, Megat D. Shahriman Dato' Zaharudin dengan bersaksikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMHSB, Suardi Mohamed Zakaria dan wakil Amtel Holdings Sdn Bhd, Khalid Dato' Seri Ahmad Husni.

Pemeteraian tersebut turut disaksikan Naib Canselor UUM, Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak dan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak selepas pelancaran Digital Langkawi di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri.

Projek Premium Outlet yang bakal dikenali sebagai 'Langkawi Premium Outlet' akan dibangunkan di atas tapak tanah berkeluasan 10 ekar milik UUM yang dijangka akan menjadi satu lagi mercu tanda ikonik, seterusnya menjadi daya tarikan baharu kepada pelancong tempatan dan antarabangsa yang datang ke Pulau Langkawi.

Sebagai sebahagian daripada komitmen perjanjian usahasama kedua-dua pihak, UMHSB dan Amtel Mega Sdn Bhd akan bertindak selaku Joint Master Developer bagi pembangunan projek yang mana pihak Amtel Mega Sdn Bhd akan membiayai dan melabur sepenuhnya di dalam pembangunan projek itu.

Cadangan projek ini juga merupakan inisiatif penting UUM untuk meningkatkan penjanaan kekayaan dan sumber pendapatan jangka masa panjang kepada universiti melalui 'Monetization of UUM's Assets.'



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.